

SULIT

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (25)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 6 TAHUN 2019**

Tarikh : 26 Jun 2019 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 11.21 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mei dan Jun 2019.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan ('delivery system')

1/15



SULIT

yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja dan Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tahap professionalism masing-masing.

3.2 **MEMPERKASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI**

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, elemen integriti perlu diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, berintegriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekaligus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian kepada masyarakat. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam telah dan sedang giat dijalankan demi kemudahan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemaskini.

Majlis komited menangani aduan awam dan akan terus menjadi salah satu agenda utama tadbir urus Majlis. Perkhidmatan yang cekap, cepat dan betul amat penting untuk kesejahteraan rakyat, khususnya warga bandar raya Petaling Jaya.

Mendepani cabaran melaksanakan tanggungjawab dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan yang mengurus kepada keselesaan dan kepuasan hati pelanggan, warga kerja Majlis perlu terus menerus bersikap professional dalam merealisasikan ekspektasi masyarakat.

Pelaksanaan tugas Pihak Berkuasa Tempatan bergantung kepada sumber yang sedia ada. Justeru, setiap isu dan masalah perlu diberi perhatian serius bagi memastikan semua peruntukan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan penuh sistematik.

3.3 **ROAD MAP TOWARDS ZERO SINGLE USE PLASTIC**

Kerajaan Persekutuan telah melancarkan 'Road Map Towards Zero Single Use Plastic 2018-2030' pada Oktober 2018 yang lalu. Melalui pelancaran 'Road Map' ini, antara lain adalah menggariskan pentingnya program 'Communication, Education and Public Awareness' (CEPA)

diadakan termasuk skim insentif dan hebahan kepada orang awam untuk mengurangkan penggunaan plastik dalam pembungkusan dan minuman. Bagi tahun 2019, terdapat 4 tindakan yang berkait secara langsung dengan PBT yang telah disyorkan iaitu:

- a) Memastikan amalan tanpa penyedut minuman plastik (straw) jika tidak diminta oleh pelanggan dilaksanakan di premis makanan.
- b) Penggunaan beg kebolehan-komposan secara biologi bagi tujuan kutipan sampah kebun oleh semua PBT.
- c) Kempen menggalakkan pelanggan membawa bersama bekas membungkus makanan berlabel ECO001 dan ECO009 untuk menggantikan polistirena dan plastik.
- d) Kerajaan Negeri mengenakan caj pencemaran sebanyak 20 sen ke atas plastik menjelang tahun 2021.

Selaras ini, Majlis turut mengadakan kempen Bebas Plastik dan larangan penggunaan polistirena selari dengan dasar Kerajaan Negeri. Di samping itu juga, kempen penggunaan kotak biodegradasi telah dilaksanakan di bazar Ramadan sejak 2018 dan penggunaan straw kertas pada tahun ini.

Objektif kempen adalah untuk menterjemahkan tindakan `Road Map` di peringkat Majlis dengan visi mencapai plastik guna sekali sifar menjelang tahun 2030. Cadangan kempen meliputi 2 komponen utama, iaitu:

- a) Program CEPA (Communication, Education and Public Awareness).
- b) Pelaksanaan menerusi tindakan perancangan, pelesenan, penguatkuasaan dan instrumen ekonomi.

Kedua-dua program ini diberi keutamaan bagi memberi kesedaran kepada orang awam. Paparan visual kempen bebas plastik seperti di dalam medium digital, billboard digital, laman sesawang dan bahan-bahan penerbitan akan menjadi penghubung dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam. Selain itu, penganjuran kempen dan pertandingan seperti `Say No To Plastic` antara Jabatan/Bahagian juga akan diperkenalkan di MBPJ. Satu sudut kongsi bekas `Shared TaPao Corner` dilengkapi dengan set bekas dan botol air guna semula akan diwujudkan di setiap Jabatan/Bahagian untuk kegunaan kakitangan bagi tujuan membeli makanan atau minuman dari luar. Konsep seumpama

ini sebenarnya telah terbukti berjaya di luar negara di bawah konsep 'Sharing Economy'.

Majlis akan mengenakan syarat melarang penggunaan polistirena dan plastik sekali guna termasuk straw. Pelaksanaan syarat ini akan dimasukkan ke dalam terma penyewaan petak gerai di medan selera dan pasar milikan Majlis. Pelaksanaan ini juga akan digunapakai ke atas pembekal sajian makanan termasuk di kafeteria Majlis yang membekalkan sajian makanan untuk sebarang mesyuarat atau program rasmi Majlis. Kafeteria Majlis dan mesin vending di premis Majlis juga tidak akan dibenarkan untuk menjual minuman berbotol plastik sekali guna ataupun sediakan beg plastik guna sekali untuk pembungkusan.

Syarat larangan penggunaan polistirena dan plastik sekali guna turut akan dimasukkan sebagai syarat lesen perniagaan. Syarat melarang penggunaan polistirena dan plastik sekali guna ke atas semua permohonan yang menyewa menggunakan kemudahan Majlis seperti penggunaan dewan sivik, dewan serbaguna, gelanggang sukan, taman, perpustakaan dan lain-lain kemudahan. Deposit akan digunakan supaya pematuhan syarat dilaksanakan.

Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pelanggaran syarat penyewaan kelulusan pemajuan dan pelesenan. Satu sistem pemarkahan demerit dirangka bagi tahun pertama disusuli dengan hukuman kompaun pada tahun kedua dan seterusnya tindakan menghentikan kerja ataupun perniagaan serta sitaan bangunan diambil

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyokong penuh hasrat dan saranan Kerajaan Negeri menguatkuasakan melarang semua premis makanan di Selangor untuk menyediakan penyedut minuman plastik (straw) kepada pelanggan bermula 1 Julai 2019. Selain mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dalam penggunaan plastik, penguatkuasaan ini juga selari dan selaras dengan Kempen Bebas Plastik yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan penggunaan barangan plastik seperti polistirena, beg plastik serta bahan-bahan plastik pakai buang yang lain. Pelaksanaan larangan ini juga dilihat dapat mengawal pencemaran alam sekitar disamping menggalakkan usaha kitar semula.

3.4 PENGLIBATAN KOMUNITI PETALING JAYA

Tarikh 20 Jun, merupakan tarikh istimewa bagi Petaling Jaya yang kini telah memasuki tahun ke-13 berstatus bandar raya. Pelbagai cabaran dan rintangan diharungi demi menyediakan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi keperluan penduduk setempat. Misi Majlis amat jelas dalam memastikan bandar raya Petaling Jaya sentiasa terus ke hadapan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang walaupun dalam menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited dalam memberi yang terbaik buat penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu ini tidak terhad kepada satu golongan sahaja malah Majlis mengharapkan penglibatan keseluruhan masyarakat berbilang bangsa dari golongan muda, veteran dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kanak-kanak agar dapat merasai keunikan, pengalaman dan kemudahan yang ada pada program dan aktiviti yang dianjurkan.

Sehubungan itu, bagi menghargai penglibatan masyarakat setempat yang selama ini menyokong dasar-dasar dan memberi idea-idea penambahbaikan pembangunan bandar raya Petaling Jaya, Majlis telah menganjurkan kempen Perkhidmatan Percuma kepada penduduk Petaling Jaya pada tarikh 20 Jun 2019 sempena Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya yang ke-13.

Perkhidmatan percuma yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- a) Kemudahan gelanggang sukan (8.00 pagi hingga 11.00 malam), kolam renang (9.00 pagi hingga 9.00 malam) dan padang (9.00 pagi hingga 5.00 petang) – terhad kepada penggunaan satu sesi sahaja iaitu selama 2 jam.
- b) Pemberian 1,000 anak pokok percuma di Tapak Semaian Kelana Jaya, di Lorong SS 7/17k, Kelana Jaya (berhampiran dengan Stadium MBPJ).
- c) Pendaftaran Keahlian Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya di Jalan Selangor, Petaling Jaya (terhad kepada 300 pendaftaran terawal).
- d) Pemberian baja kompos di Smart PJ Waste Solution Lab SS2 di Jalan SS2/63.

- e) Kutipan sampah pukat percuma pada 20 Jun dan 21 Jun 2019 (terhad 50 buah rumah terawal).

3.5 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

3.5.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 24 adalah sejumlah 3251 kes demam denggi yang dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 301 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 1077 kes. Walaubagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling.

Tiada kes kematian dilaporkan. Lokaliti wabak hotspot yang aktif dilaporkan sehingga minggu epid 20 (15/6/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 16 lokaliti, manakala hotspot terkini dilaporkan pada minggu epid 25 (21/6/2019) sebanyak 16 lokaliti wabak yang dilaporkan.

3.5.2 PEMANTAUAN PREMIS MAKANAN

Sehingga Mei 2019, sebanyak 545 premis makanan telah di periksa. Penguatkuasaan ke atas premis makanan yang telah dilakukan adalah sebanyak 658 kompaun telah di keluarkan dan 84 premis telah di arahkan tutup di bawah UUK Establisment Makanan (MBPJ) 2007. Manakala sebanyak 344 pemeriksaan ke atas premis makanan 24 jam dilakukan. 76.5% premis ini patuh kepada arahan penutupan pembersihan 2 jam dan sebanyak 138 kompaun atas pelbagai kesalahan telah di keluarkan.

3.6 KEMPEN BAYARAN KOMPAUN

Bersempena dengan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya pada tahun ini, Majlis mengadakan kempen bayaran kompaun tertunggak dan kompaun semasa bagi kesalahan lalulintas sahaja yang akan berakhir pada 30 Jun 2019.

Namun, berdasarkan kepada sambutan orang awam, Majlis akan menyambung kempen bayaran kompaun ini sehingga 31 Ogos 2019 bersempena dengan bulan kemerdekaan selain memberi peluang dan ruang kepada orang awam untuk membuat bayaran bagi kompaun-kompaun tertunggak dengan kadar yang minima.

Untuk semakan kompaun, orang awam boleh hadir ke tingkat 2 menara MBPJ, memuat turun aplikasi pintar Smart PJ Enforcement atau menghubungi talian 03 7958 8085 sambungan 125/126.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 5 TAHUN 2019 (PENGAL 2018/2020).**

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 5 Tahun 2019 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 29 Mei 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2019 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 MEI 2019.**

Tiada.

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 13 JUN 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (20))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 JUN 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (52))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 27 MEI 2019 DAN 14 JUN 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (89))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (91))

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 17 JUN 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (22))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.

6.4.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan:-

- a) Perkara 7.2.2 di muka surat 10 di mana Encik Tang Fuie Koh mencadangkan agar Majlis menarik balik lesen yang dikeluarkan kepada penjaja yang meletakkan kerusi dan meja di luar premis serta memasukkan perkara ini di dalam salah satu syarat lesen.

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 JUN 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (21))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 18 JUN 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (49))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 5.8.1 b) di muka surat 17 iaitu:-

- b) Encik Terence Tan Teck Seng meminta agar status Stadium Air Asia dibentangkan untuk makluman.

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 JUN 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (58))

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 8 MEI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (93))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARGA BERTARIKH 20 JUN 2019 (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (59))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.


SULIT

7. **UCAPAN PENANGGUHAN**

7.1 Tiada.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.21 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini.

Beliau turut memaklumkan Majlis Pelancaran Bebas Plastik diperingkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan diadakan selepas mesyuarat ini.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8.7.2019

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Zamri bin Mohamad
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ
09. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

13. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis anak Uding
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Pua Ghin Chu,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

12/15

**SULIT**

03. Encik Farhan Haziq bin Mohamed, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan. A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.

SULIT

13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
20. Puan Ruzaida binti Tormodi,
Penolong Pengarah Kanan, Unit Perundangan, MBPJ.

TURUT HADIR:

01. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,
ADUN Taman Medan.
02. Encik Harmony bin Ghani,
Wakil ADUN Seri Setia.

URUSETIA:

01. Encik Noor Azman bin S. Ali,
Penolong Pengarah Kanan (Pentadbiran Am),
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Pentadbiran Am dan Urusetia),
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

14/15

**SULIT**

SULIT

03. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

04. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

15/15



SULIT